



## LATIHAN SIMULASI MYPEC

### JABATAN PELESENAN DEWAN BANDARAN MyPEC

#### **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN**

Pelesen/Pengusaha dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:

1. **FEE LESEN**  
RM 5.00 bagi satu petak tempat letak kereta setahun.  
Lesen hendaklah dijelaskan sebelum perniagaan dijalankan.  
Lesen ini tidak boleh dipindah milik tanpa kebenaran bertulis daripada Datuk Bandaran MyPEC.
2. **MEMPAMERKAN LESEN**  
Lesen hendaklah dipamerkan di premis / pondor tempat letak kereta tersebut pada setiap masa.
3. **KEBERSIHAN**  
Pengusaha hendaklah bertanggungjawab menjaga premis ini supaya sentiasa bersih sepanjang masa.
4. **BUNYI BISING DAN KACAU GANGGU**  
Pengusaha hendaklah memastikan tiada bunyi yang keterlaluan sama ada daripada pekerja-pekerja, radio yang dipasang dengan kuat atau lain-lain perlakuan yang boleh menimbulkan kacau ganggu.
5. **PENCAHAYAAN**  
Pengusaha hendaklah mengadakan pencahayaan yang cukup dan sekiranya tempat letak kereta tertutup, peralatan ganti udara hendaklah disediakan secukupnya.
6. **KESELAMATAN**  
Pengusaha hendaklah memastikan aspek-aspek keselamatan dipatuhi pada setiap masa. Peralatan-peralatan bomba termasuk pemadam api dan loceng amaran kecemasan hendaklah sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada bila-bila masa. Pengusaha juga bertanggungjawab menyediakan Pengawal Keselamatan untuk mengawal premis dari sebarang kejadian yang tidak diingini.
7. **HALANGAN**  
Ruang tangga, lorong dan pintu masuk atau keluar ke premis ini hendaklah sentiasa bebas daripada sebarang halangan.  
Sebarang kenderaan tidak dibenarkan diletakkan dalam keadaan yang boleh menghalang atau mengganggu pergerakan kenderaan lain sama ada di dalam atau di sekitar tempat letak kereta berkenaan.
8. **PAPAN KENYATAAN**  
Nama Syarikat / Perniagaan yang mengadakan tempat letak kereta berkenaan.

Kadar bayaran letak kereta yang dikenakan dengan jelas. (Sebarang perubahan kadar bayaran hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Pelesenan).

Waktu Perniagaan

**9. PAPAN IKLAN / TANDA ARAH**

Pihak pengusaha juga hendaklah memasang papan tanda 'MASUK', 'KELUAR' dan lain-lain tanda / petunjuk arah pandu dengan jelas dan secukupnya. Papan tanda 'PENUH' hendaklah dipasang sekiranya premis tempat letak kereta berkenaan telah penuh.

Papan iklan yang tidak berkaitan tidak dibenarkan dipasang.

Setiap pemasangan iklan/ papan tanda mestilah mendapat lesen terlebih dahulu. Keutamaan hendaklah dalam Bahasa Malaysia.

**10. LAIN-LAIN SYARAT**

Semua pekerja hendaklah memakai pakaian seragam.

Muatan/ jumlah kenderaan yang dibenarkan memasuki dan meletakkan kenderaan di tempat letak kereta ini hendaklah tidak melebihi jumlah yang diluluskan oleh Jabatan Kerja Awan Dan Lalulintas, Dewan Bandaran MyPEC.

Pondok/ kabin yang didirikan mestilah mendapat kelulusan daripada Jabatan Perancang Dan Kawalan Bangunan, Dewan Bandaran MyPEC.

Pengusaha atau mana-mana pihak tidak dibenarkan membuat apa-apa ubahsuai, pertambahan atau pengurangan lot-lot letak kereta untuk apa-apa tujuan tanpa persetujuan dan kebenaran bertulis dari Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Pengusaha atau mana-mana pihak tidak dibenarkan menggunakan premis ini untuk lain-lain kegunaan selain dari tempat letak kereta kecuali mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur, contohnya aktiviti mencuci kereta, meletakkan gerai penjaja dan lain-lain aktiviti sampingan.

Pengusaha tidak dibenarkan membuat sebarang pungutan wang seperti berikut:

Di pintu-pintu masuk premis

Kadar bayaran berlainan daripada yang tercatat di papan kenyataan.

Kepada kenderaan-kenderaan yang memasuki / melalui premis tempat letak kereta tetapi tidak meletakkan kenderaan di petak-petak yang disediakan.

**PERINGATAN**

Datuk Bandar Kuala Lumpur atau Pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh memasuki premis ini tanpa halangan untuk tujuan menyiasat dan boleh menguji peralatan-peralatan yang disediakan pada bila-bila masa.

**Sekiranya pengusaha gagal mematuhi syarat-syarat di atas, tindakan penguatkuasaan termasuk membatalkan lesen tempat letak kereta persendirian boleh diambil di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (WP) 1982 Pindaan 1994 dan Undang-undang Kecil Iklan (WP) 1982 dan pindaan-pindaannya.**

**Jabatan Pelesenan,  
Dewan Bandaran MyPEC,  
Mei 2009**

Tingkat 22 Menara Safuan,  
No. 80 Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur.  
No. Tel: 03-20723802  
No. Faks: 03-20723804